



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2025  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)**

**3 JANUARI 2025 (JUMAAT)**

**DEWAN DAMAR MINYAK  
JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA (JPSM)**

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

1. **Yang Berhormat Datuk Sri Huang Tiong Sii**  
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. **Yang Berbahagia Datuk Dr. Ching Thoo a/I Kim**  
Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
3. **Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
4. **Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
5. **Yang Berbahagia Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim**  
Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
6. Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi
7. Pegawai-pegawai Kanan
8. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Syukur kepada Allah SWT kerana dengan rahmat-Nya, kita dapat berjumpa dan berkumpul dalam Majlis Amanat Tahun Baharu 2025 NRES pada hari ini.

2. Selama dua tahun saya bersama-sama tuan/puan dari NRECC kemudian NRES saya mendapat kerjasama dan sokongan yang sangat baik bagi membolehkan saya menjalankan tugas-tugas yang telah diamanahkan kepada kita bersama. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga NRES atas kerjasama yang diberi.
3. Sebentar tadi, kita telah pun mendengarkan amanat YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang jelas hala tujunya membawa perubahan menyeluruh, bukan sahaja dalam aspek ekonomi tetapi juga sosial, budaya, dan politik. Dengan berpaksikan Malaysia MADANI kita mampu membentuk identiti negara yang lebih progresif dan bermaruah di mata dunia.
4. Seiring dengan agenda penting tahun ini iaitu Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN adalah menjadi harapan kita agar dapat menunjukkan komitmen Kementerian khususnya dalam agenda perubahan iklim, sumber asli dan kelestarian alam untuk memastikan setiap keputusan dan tindakan yang diambil menyumbang kepada pembangunan yang mampan, cekap dan berinovatif. Tahun baharu ini membuka peluang melihat ke hadapan untuk melaksanakan strategi yang akan meningkatkan keberkesanan kerja yang dilakukan.
5. Saya menyeru untuk kita sama-sama mengamalkan pemikiran yang terbuka, kreatif, serta pragmatik. Saya yakin melalui usaha kerjasama dan visi bersama, kita akan melakar hala tuju yang jelas dan mengambil tindakan ke arah masa depan yang lebih makmur

dan lestari. Sekali lagi saya berterima kasih atas dedikasi dan komitmen setiap jabatan dan agensi sepanjang proses ini berlangsung.

## CABARAN HARI INI

Hadirin sekalian,

6. Sedia maklum ketahui, **cabaran perubahan iklim** dan kelestarian alam merupakan isu global yang semakin mendesak dan memerlukan tindakan kolektif serta strategik. Antara cabaran perubahan iklim ialah, peningkatan suhu global di mana fenomena pemanasan global menyebabkan cuaca ekstrem seperti gelombang panas, ribut taufan, dan banjir. Begitu juga kerosakan ekosistem disebabkan perubahan iklim mengancam habitat flora dan fauna serta membawa kepada kepupusan spesies. Tidak kurang juga krisis sumber asli di mana kekurangan air bersih dan perubahan dalam pola hujan menjejaskan bekalan air dan pertanian. Selain itu, kesan sosial dan ekonomi termasuk kehilangan tempat tinggal akibat bencana alam menyebabkan perpindahan manusia (climate refugees).
7. Ini juga turut merangkumi **cabaran kelestarian alam** seperti pengurusan sisa dan pencemaran, kehilangan hutan, kebergantungan kepada tenaga fosil, penggunaan bahan bakar fosil (arang batu, minyak, dan gas) sebagai sumber utama tenaga mengakibatkan pelepasan karbon yang tinggi dan kemerosotan biodiversiti disebabkan aktiviti manusia seperti pembangunan tidak lestari dan pemburuan haram mengancam hidupan liar.

## PAYUNG KEMAMPANAN: LANGKAH ATASI CABARAN

8. Oleh itu, di bawah payung *SUSTAINABILITY* atau KEMAMPANAN ia menjadi Kerangka Utama NRES dalam menggalas tanggungjawab besar bagi memastikan tindakan kolektif berhubung cabaran perubahan iklim dan kelestarian alam dapat ditangani dengan lebih berkesan untuk generasi masa depan. Di bawah kerangka ini pula, NRES perlu ke hadapan dan mengepalai ESG melalui *Sustainable Environmental, Social and Governance* (ESG) dengan melibatkan kelima-lima tonggak utama Kementerian iaitu Tanah, Ukur & Geospacial, Mineral & Geosains, Biodiversiti & Perhutanan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.
9. Di bawah kerangka ini jugalah, NRES telah melaksanakan pelbagai tindakan dan program yang secara kasarnya boleh dibahagikan kepada lima segmen utama. **Pertama, Pembangunan lestari. Kedua, pertumbuhan ekonomi, Ketiga, kesejahteraan rakyat; Keempat pembangunan mampan dan Kelima; Tindakan Iklim (Climate Action).**
10. Menelusuri pencapaian-pencapaian NRES sepanjang tahun 2024, ia meliputi kedua-dua sektor sumber asli dan kelestarian alam. Dalam aspek sumber asli, NRES telah meningkatkan aktiviti penguatkuasaan perlindungan kehidupan liar termasuk bagi harimau Malaya. Selain itu, tahun lepas juga terdapat peningkatan Renjer Komuniti kepada 1,924 orang melibatkan kos RM60 juta. Manakala, buat pertama kalinya pada tahun lepas juga diperkenalkan Inisiatif Bantuan Kerugian Harta Benda dan Tanaman bagi orang kampung dan orang asli akibat serangan

hidupan liar dengan 130 pemohon sejak September yang lalu dengan bantuan melebihi RM410,000.

11. Di bawah insentif EFT, kira-kira 350,000 hektar kawasan di daratan dan juga lautan telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan baharu. Ini seiring dengan Program Penghijauan Malaysia Penanaman 100 juta pokok yang berjaya diselesaikan setahun lebih awal dan simboliknya pokok ke-100 juta telah ditanam oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.
12. Bagi sektor kelestarian alam pula, pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 dengan pindaan denda bagi jenayah alam sekitar dari RM100,000 ke RM10 juta dan penjara mandatori bagi penjenayah sehingga 5 tahun memperlihatkan komitmen Kementerian untuk menunjukkan kawalan yang lebih ketat terhadap pencemaran yang merosakkan ekosistem.
13. Selain itu, NRES juga memperkenalkan Dasar Perubahan Iklim Negara 2.0 dan kita juga memperkenalkan dasar mesra alam dengan memperkenalkan dasar cukai karbon untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau selain menggalakkan ekonomi sirkular untuk meminimumkan sisa dan penggunaan sumber.

## **MELANGKAH KE HADAPAN**

Hadirin sekalian,

### **Sektor Kelestarian Alam**

14. Dalam sektor Kelestarian Alam, antara agenda utama Kementerian adalah untuk meningkatkan ketelusan pelaksanaan Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan akses kepada laporan EIA yang akan melibatkan **pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling (Akta 127) Fasa 2**. Rang Undang-Undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 membabitkan pindaan Fasa 1 sudah diluluskan oleh Parlimen pada 4 April lalu namun, NRES komited ke arah penambahbaikan berterusan. Melalui pindaan AKAS ini ia mengukuhkan peranan kawal selia alam sekitar melalui reformasi JAS kepada sebuah badan kawal selia yang lebih bebas dan efektif serta mampu menjana pendapatan kepada negara.
15. Berhubung pencemaran plastik, antara langkah untuk menangani masalah ini ialah dengan menghapuskan plastik sekali guna bermasalah, memperluas model penggunaan semula serta menambah baik reka bentuk produk untuk menyokong ekonomi kitaran.
16. Justeru, NRES harus mengetuai perbincangan mengenai langkah ke hadapan dalam menangani isu ini bersama agensi yang berkaitan, berdasarkan teks terkini daripada Pengerusi INC dan hasil rundingan Mesyuarat Kelima Jawatankuasa Perunding Antara Kerajaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (INC-5). Penyertaan dalam sesi INC 5.2 juga harus diteruskan bagi memastikan pandangan dan mandat kerajaan selaras dengan industri plastik.

Hadirin yang dihormati sekalian,

17. Pada tahun lalu, NRES telah merangka hala tuju dasar dan strategi menangani pencemaran jerebu merentas sempadan yang lebih menyeluruh dengan penglibatan bersama pelbagai pihak berkepentingan. Cadangan ini juga telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri melalui mesyuarat bertarikh 25 Oktober 2024.
18. Justeru pada tahun 2025 ini, antara perkara utama yang akan diketengahkan selaras dengan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN adalah melalui cadangan pemantapan Perjanjian ASEAN mengenai Jerebu Merentas Sempadan melalui pendekatan diplomasi sains dan sumber dana jerebu yang mampan.
19. Selain itu, kerjasama dengan syarikat perladangan Malaysia yang beroperasi di Indonesia serta NGO-NGO berkaitan akan terus diperkukuh untuk menangani dan mencegah masalah ini daripada terus berulang. NRES juga akan meneruskan kerjasama erat dengan Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Perladangan dan Komoditi dalam menangani masalah ini. Selain itu, kita juga akan terus meneroka peluang untuk bekerjasama dengan Kerajaan Indonesia khususnya dalam pembangunan kapasiti dan kerjasama teknikal bagi meningkatkan keupayaan kedua-dua negara dalam mencegah pembakaran hutan dan tanah gambut yang menyebabkan jerebu merentas sempadan ini.
20. Sebagai Pengerusi ASEAN tahun ini, Malaysia juga akan memperjuangkan kerjasama serantau yang lebih kukuh, dengan fokus pada pembangunan lestari, perlindungan alam sekitar, dan kesaksamaan sosial—elemen utama dalam Visi Komuniti ASEAN



2025—untuk mendorong rantau ini ke arah matlamat sifar karbon bersih.

21. Saya percaya pendirian teguh dalam kalangan negara anggota ASEAN mengenai perubahan iklim adalah penting bagi memastikan suara dari rantau ini didengari di peringkat global. Jika negara anggota ASEAN bekerjasama dan memanfaatkan 670 juta penduduk serta kekuatan ekonomi rantau ini, suara kita akan lebih dihormati.
  
22. Seterusnya dalam aspek perubahan iklim, untuk Malaysia berkembang maju dan mengekalkan daya tahan iklim, tadbir urus memainkan peranan penting dan NRES sedang mengusahakan Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN). RUU ini bertujuan meningkatkan kelestarian alam sekitar sambil mewujudkan peluang baharu untuk sektor perniagaan iaitu membolehkan perniagaan mengakses pasaran yang memberi penekanan pada kelestarian. Ia selari dengan hasrat kerajaan yang benar-benar serius menangani isu perubahan iklim dan aspirasi negara untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Ini merupakan sasaran yang sangat tinggi, dan memerlukan banyak perubahan radikal daripada kerajaan, sektor swasta serta masyarakat secara amnya.
  
23. Kementerian juga sedang merancang **Pelan Adaptasi Kebangsaan ataupun lebih dikenali sebagai MyNAP** sebagai pemangkin yang menyokong Teras strategik Ketiga DPIN 2.0 iaitu “memperkuh langkah adaptasi dan kedayatahan iklim dalam mencapai matlamat sosioekonomi dan pembangunan mampan”.

24. Objektif utama MyNAP dibangunkan adalah untuk membantu dalam memperkukuh keupayaan negara dalam menangani impak perubahan iklim seperti banjir, kenaikan paras laut, hakisan pantai dan kemarau melalui pelaksanaan dasar dan strategi berkaitan tindakan adaptasi bagi melindungi sektor dan komuniti yang paling terkesan. Saya yakin dengan pelaksanaan MyNAP yang akan bermula pada tahun 2027 perancangan, pelaksanaan, dan pemantauan langkah-langkah adaptasi perubahan iklim dapat digerakkan dengan lebih berkesan.
25. Selain itu, Kementerian dalam usaha memuktamadkan instrumen **Forest Carbon Offset (FCO)** sebagai sistem pengkreditan karbon kebangsaan berasaskan semulajadi. Di mana pembangunan instrumen FCO ini merupakan ketetapan dasar Kementerian untuk mewujudkan satu piawaian domestik yang boleh digunakan untuk membangunkan projek karbon hutan dan menjana kredit karbon yang boleh didagangkan di pasaran domestik dan antarabangsa.
26. Kementerian juga berhasrat untuk memastikan FCO dapat dimuktamadkan pada 2025 dan akan mula diuji di lapangan bagi membangunkan projek rintis karbon hutan. FCO ini diharap setara dengan piawaian domestik seperti T-VER di Thailand ataupun SRN di Indonesia; serta alternatif kepada piawaian antarabangsa seperti *Verra* dan *Gold Standard*; dan akan diiktiraf bagi menghasilkan kredit karbon yang berintegriti tinggi dan berkualiti.

27. Kementerian bercadang untuk memastikan Asean Common Carbon Framework (ACCF) sebagai salah satu agenda Kementerian ini semasa Kepengerusian ASEAN 2025, antara lainnya bagi mencapai hasrat Kementerian untuk menerajui isu perubahan iklim di peringkat serantau. ACCF dirangka untuk meneroka potensi peluang untuk mengoptimumkan pembangunan projek karbon dalam kalangan negara anggota ASEAN. Dengan potensi pembangunan projek karbon yang amat signifikan, ACCF menjadi batu loncatan ke arah mewujudkan ASEAN sebagai rantau yang memainkan peranan kritikal ke arah usaha mitigasi dan adaptasi kepada perubahan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

### **Sektor Sumber Asli**

28. Malaysia komited untuk mengukuhkan komitmen dan kepimpinan negara sebagai negara 'biodiversity superpower'. Malaysia merupakan antara negara parti CBD pertama yang mengintegrasikan kerangka biodiversiti antarabangsa iaitu Kunming-Montreal Global Biodiversity Framework (KMGBF) ke dalam Pelan Tindakan dan Strategi Biodiversiti Kebangsaan (National Biodiversity Strategies and Action Plans - NBSAP). Malaysia juga telah melancarkan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022-2030 (DKBK) pada 24 Oktober 2023.

29. NRES akan mengukuhkan pelaksanaan DKBK melalui pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of society* serta meningkatkan pengarusperdanaan pengurusan biodiversiti (mainstreaming biodiversity) dalam pembangunan negara. NRES akan memulakan urusan penyediaan Laporan Kebangsaan Ketujuh kepada CBD (7NR) untuk dikemukakan kepada Sekretariat CBD pada Februari 2026.
30. NRES juga komited meningkatkan pengurusan biodiversiti negara melalui penubuhan Pusat Biodiversiti Malaysia (Malaysia Biodiversity Centre - MBC). NRES akan menubuhkan Pasukan Interim MBC (MBC Interim Team - MIT) bagi menguruskan pembangunan dan pengoperasian MBC mulai tahun 2025 hingga 2028 (selama 3 tahun).
31. Kempen penanaman 100 juta pokok juga akan diteruskan sehingga akhir tahun 2025 bagi merealisasikan objektif kempen iaitu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pokok dan kawasan berhutan serta memupuk semangat cintakan alam semula jadi. Pada tahun 2025, tumpuan aktiviti akan melibatkan rawatan di beberapa kawasan penanaman dalam program ini.
32. Saya ingin mencadangkan agar perluasan penanaman 100 juta pokok ini turut diberi tumpuan kepada penanaman pokok yang boleh menjana pendapatan. Antaranya, menerusi penanaman *urban farming* yang menjana pendapatan kepada rakyat dan memberi jaminan makanan. Usaha ini juga boleh dilakukan dengan kolaborasi bersama Kementerian lain seperti Kementerian Wilayah

Persekutuan, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

33. Sektor mineral dan geosains pula mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan sambil menjaga kelestarian alam sekitar. Pendekatan strategik diperlukan untuk memastikan sektor ini berkembang selaras dengan agenda pembangunan lestari dan keperluan global. Dalam hal ini, saya melihat terdapat keperluan mendesak untuk mewujudkan sebuah entiti khusus untuk memacu pembangunan sektor mineral negara. Oleh itu, saya ingin melihat gerak kerja reformasi penubuhan Lembaga Pembangunan Mineral Malaysia (LPMM) dimulakan tahun ini dalam kita melonjakkan sektor mineral sebagai antara penyumbang utama ekonomi dan pendapatan negara.
34. Untuk pengurusan sumber yang strategik saya mengesyorkan untuk membuat peta sumber mineral yang komprehensif dan strategik bagi perancangan jangka panjang. Ia memberi fokus pada mineral kritikal yang diperlukan untuk tenaga bersih dan ekonomi digital. Selain itu, kerjasama antara sektor awam, swasta, dan akademik juga sangat penting untuk memacu inovasi dan pembangunan sektor ini. Ia juga penting dalam memperluaskan kerjasama serantau dalam ASEAN untuk perdagangan dan pemprosesan mineral.

## PENUTUP

Hadirin sekalian,

35. Saya amat yakin dan percaya bahawa Kementerian dengan kerjasama Jabatan dan Agensi akan memastikan kejayaan yang optimum untuk mengorak langkah dengan lebih jauh. Ini merupakan langkah pertama kita dalam merealisasikan hasrat Kementerian pada tahun 2025 serta tahun-tahun yang mendatang.
36. Sebagai akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat memberikan sokongan penuh bagi memenuhi sasaran-sasaran ini. Sekalung tahniah dan syabas juga saya ucapkan kepada warga Kementerian, Jabatan dan juga agensi di atas komitmen yang diberikan. Semoga dengan usaha dan sinergi ini, kita akan dapat sama-sama memastikan NRES mencapai objektif yang dihasratkan.
37. Sebagai penutup, saya ingin kongsi quotes daripada novel **Paulo Coelho, *The Alchemist***. *"Ketika kita berani mengejar impian, seluruh alam semesta akan bersatu untuk membantu kita mencapainya."*
38. Marilah kita mulakan tahun ini dengan keberanian untuk bermimpi besar, keyakinan untuk melangkah jauh, dan usaha untuk menyelaraskan tindakan kita dengan tujuan yang mulia. Bersama-sama, kita mampu mencipta masa depan yang lebih gemilang. Sekian, terima kasih.